

Bil. S 57

**AKTA PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
(Penggal 50)**

**PERATURAN-PERATURAN PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI (PROSIDING TATATERTIB),
2021**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Pengenaan
3. Tafsiran
4. Penyiasatan
5. Prosiding permulaan
6. Prosiding siasatan
7. Persaraan untuk kepentingan awam
8. Penurunan pangkat dan pembuangan kerja atas alasan keselamatan
9. Penahanan kerja
10. Prosiding jenayah
11. Prosiding selepas sabitan pertuduhan jenayah
12. Penahanan gaji
13. Prosiding selepas dibebaskan
14. Perlucutan hak atas elauan atau faedah lain
15. Pegawai tidak boleh meletakkan jawatan atau meninggalkan Negara Brunei Darussalam

16. Pemansuhan S 19/2003

JADUAL — SALAH LAKU

r

AKTA PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
(Penggal 50)

**PERATURAN-PERATURAN PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI (PROSIDING TATATERTIB),
2021**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 64 dari Akta Pasukan Polis Diraja Brunei, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Pasukan Polis Diraja Brunei (Prosiding Tatatertib), 2021 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Akta Pasukan Polis Diraja Brunei (Pindaan), 2021.

Pengenaan

2. Peraturan-Peraturan ini dikenakan kepada prosiding tatatertib bagi pegawai polis kanan yang dimulakan pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, sama ada perbuatan atau peninggalan yang dilakukan oleh pegawai polis kanan yang berkaitan dengannya prosiding tatatertib dimulakan berlaku sebelum tarikh itu atau tidak.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Jawatankuasa" bermakna Jawatankuasa Siasatan yang dipanggil oleh Suruhanjaya di bawah peraturan 6;

"Setiausaha Tetap" bermakna Setiausaha Tetap kepada Jabatan Perdana Menteri.

Penyiasatan

4. (1) Jika dikemukakan kepada Suruhanjaya oleh Setiausaha Tetap atau Pesuruhjaya, mengikut mana yang berkenaan, bahawa suatu aduan telah dibuat terhadap seseorang pegawai polis kanan yang dikatakan melakukan mana-mana salah laku yang disebut dalam Jadual, Suruhanjaya boleh menyebabkan supaya penyiasatan dibuat tentang perkara itu dengan cara sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Bagi maksud-maksud peraturan kecil (1), Suruhanjaya boleh melantik suatu badan pegawai polis atau pegawai kerajaan untuk menjalankan penyiasatan dan untuk mengemukakan laporan mengenainya.

(3) Jika hasil penyiasatan mendedahkan alasan untuk berbuat demikian, Suruhanjaya boleh menyebabkan supaya prosiding diambil di bawah peraturan 5.

Prosiding permulaan

5. (1) Pegawai polis kanan itu hendaklah diberitahu secara bertulis oleh Pengerusi Suruhanjaya tentang alasan itu, yang akan dibuat sebagai pertuduhan atau pertuduhan-pertuduhan, yang atasnya dimaksudkan bagi tindakan tata tertib diambil terhadapnya dan dia hendaklah diberikan 14 hari bekerja untuk membersihkan dirinya daripada pertuduhan itu secara bertulis.

(2) Suruhanjaya boleh, setelah menimbangkan kes yang dibuat terhadap pegawai polis kanan itu, jawapannya kepada pertuduhan itu dan hasil penyiasatan, sekiranya ada, jika Suruhanjaya berpendapat bahawa —

(a) pengataan itu telah dibuktikan, mengesyorkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi pengenaan hukuman seperti penghentian atau penangguhan kenaikan gaji, denda, teguran atau gabungan hukuman-hukuman tersebut;

(b) hasil penyiasatan itu mendedahkan alasan untuk berbuat demikian, mengesyorkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan supaya pegawai polis kanan itu bersara untuk kepentingan awam dengan pangkat sekarang atau dengan penurunan pangkat tanpa prosiding lanjut di bawah Peraturan-Peraturan ini, dengan atau tanpa pengurangan faedah persaraan; atau

(c) perkara aduan itu mewajarkan prosiding diadakan dengan tujuan penurunan pangkat, pembuangan kerja atau kedua-duanya, menyebabkan supaya prosiding diambil di bawah peraturan 6.

(3) Jika pegawai polis kanan itu —

(a) mengakui pertuduhan atau pertuduhan-pertuduhan atau mana-mana satu daripada pertuduhan-pertuduhan itu; atau

(b) gagal memberikan pernyataan membersihkan diri daripada pertuduhan dalam masa yang dinyatakan dalam peraturan kecil (1),

Suruhanjaya hendaklah terus memutuskan perkara itu sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut.

6. (1) Jika prosiding diambil di bawah peraturan ini, Suruhanjaya hendaklah memanggil Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat perkara itu dan untuk mengemukakan suatu laporan kepada Suruhanjaya.

(2) Jawatankuasa itu hendaklah terdiri daripada seorang pegawai undang-undang atau pegawai kehakiman yang akan menjadi pengerusi dan dua orang pegawai kerajaan kanan lain yang akan dilantik dengan mengambil kira taraf pegawai polis kanan yang berkenaan dan jenis dan berat ringannya kesalahan yang menjadi perkara siasatan itu.

(3) Pegawai polis kanan itu hendaklah diberitahu tentang tarikh apabila Jawatankuasa itu akan memulakan siasatannya dan pegawai polis kanan itu hendaklah menghadiri siasatan tersebut dan hendaklah dibenarkan —

(a) memeriksa balas saksi-saksi;

(b) memberikan keterangan bagi pihak dirinya sendiri;

(c) untuk memanggil saksi-saksi yang mungkin ingin dipanggilnya bagi pihaknya; dan

(d) mendapat akses kepada maklumat yang terkandung dalam apa-apa dokumen pada masa yang munasabah sebelum dokumen itu dikemukakan sebagai keterangan.

(4) Rekod prosiding Jawatankuasa hendaklah mengandungi maklumat yang diperoleh oleh Jawatankuasa dan suatu laporan oleh Jawatankuasa.

(5) Maklumat itu pada lazimnya tidak boleh dinyatakan dalam bentuk soal dan jawab tetapi dalam bentuk naratif tetapi Jawatankuasa boleh, atas budi bicaranya, merekod mana-mana soalan dan jawapan tertentu.

(6) Semasa siasatan tersebut, keterangan bagi pihak Kerajaan hendaklah dikemukakan oleh seorang pegawai polis kanan atau pegawai kerajaan yang dinamakan oleh Suruhanjaya.

(7) Jawatankuasa boleh, atas budi bicaranya, membenarkan pegawai polis kanan yang disiasat itu untuk diwakili oleh peguam bela dan peguam cara atau oleh pegawai polis kanan yang lain.

(8) Seseorang yang mewakili pegawai polis kanan yang disiasat itu tidak boleh berpangkat lebih tinggi daripada mana-mana ahli Jawatankuasa atau pegawai yang dinamakan oleh Suruhanjaya di bawah peraturan kecil (6).

(9) Jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, mengecualikan mana-mana orang yang mewakili pegawai polis kanan yang disiasat itu daripada siasatan jika Jawatankuasa berpendapat bahawa orang itu sendiri telah melakukan salah laku atau cuba melengah-lengahkan siasatan itu.

(10) Jawatankuasa tidak terikat untuk bertindak dengan cara rasmi dan tidak terikat dengan Akta Keterangan (Penggal 108) atau dengan sebarang undang-undang bertulis lain berhubung dengan keterangan tetapi Jawatankuasa boleh mengambil maklum mengenai apa-apa perkara dengan cara sebagaimana yang difikirkannya patut.

(11) Jawatankuasa hendaklah, pada bila-bila masa yang boleh, meneruskan siasatannya dari hari ke hari dan tiada penangguhan boleh diberikan kecuali bagi sebab yang akan direkodkan secara bertulis.

(12) Jawatankuasa boleh, atas budi bicaranya, menjalankan prosiding di bawah Peraturan-Peraturan ini walaupun ketiadaan salah seorang ahlinya, dan kesahan prosiding tersebut tidak boleh dicabar atas alasan ini.

(13) Jika Jawatankuasa berpuas hati bahawa pegawai polis kanan yang disiasat atau mana-mana orang yang mewakilinya menyekat atau cuba menyekat perkembangan siasatan itu, Jawatankuasa hendaklah memberikan amaran kepada pegawai polis kanan itu dan, jika berkenaan, orang yang mewakilinya.

(14) Jika selepas amaran sedemikian Jawatankuasa berpuas hati bahawa amaran itu tidak diendahkan, Jawatankuasa hendaklah membuat catatan bertulis mengenainya dan hendaklah terus menjalankan dan menyelesaikan siasatan dengan cara sebagaimana yang difikirkannya patut.

(15) Jawatankuasa hendaklah, dalam masa 30 hari dari selesainya prosiding melainkan jika Suruhanjaya memberikan lanjutan masa, mengemukakan laporannya kepada Suruhanjaya.

(16) Suruhanjaya boleh, setelah menerima laporan daripada Jawatankuasa, jika difikirkannya patut, menghendaki Jawatankuasa dipanggil semula untuk menimbangkan keterangan lanjut dan bermesyuarat bagi maksud itu kecuali pegawai polis kanan itu hendaklah diberikan notis yang tidak kurang daripada 14 hari mengenai mesyuarat Jawatankuasa yang seterusnya untuk membaliasnya.

(17) Jika, setelah menimbangkan semua fakta yang ada, Suruhanjaya berpendapat bahawa —

(a) pegawai polis kanan itu patut diturunkan pangkat, dibuang kerja atau kedua-duanya, Suruhanjaya boleh mengesyorkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi penurunan pangkat, pembuangan kerja atau kedua-duanya bagi pegawai polis kanan itu mulai suatu tarikh sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Suruhanjaya;

(b) pegawai polis kanan itu patut diturunkan pangkat dan bersara untuk kepentingan awam, Suruhanjaya boleh mengesyorkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi penurunan pangkat dan persaraan pegawai polis kanan itu untuk kepentingan awam mulai suatu tarikh sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Suruhanjaya; atau

(c) suatu hukuman selain daripada penurunan pangkat, pembuangan kerja atau kedua-duanya patut dikenakan, Suruhanjaya boleh mengesyorkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan —

- (i) bagi pengenaan hukuman seperti penghentian atau penangguhan kenaikan gaji, denda, teguran atau gabungan hukuman-hukuman tersebut; atau
- (ii) supaya pegawai polis kanan itu bersara untuk kepentingan awam tanpa prosiding lanjut di bawah Peraturan-Peraturan ini, dengan atau tanpa pengurangan faedah persaraan.

Persaraan untuk kepentingan awam

7. (1) Dengan tidak menghiraukan mana-mana peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, jika Suruhanjaya berpendapat adalah wajar untuk kepentingan awam untuk mengesyorkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bahawa seseorang pegawai polis kanan adalah dikehendaki untuk bersara dengan pangkat sekarang atau dengan penurunan pangkat daripada perkhidmatan atas alasan yang tidak dapat diuruskan dengan sesuainya, dengan pertuduhan-pertuduhan tertentu, di bawah Peraturan-Peraturan ini, Suruhanjaya hendaklah bertindak menurut peraturan ini.

(2) Suruhanjaya hendaklah memberi pegawai polis kanan itu suatu peluang untuk mengemukakan jawapan kepada aduan yang menyebabkan persaraannya dengan pangkat sekarang atau dengan penurunan pangkat dijangkakan dalam masa yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Jika Suruhanjaya berpuas hati, setelah menimbangkan laporan dan jawapan oleh pegawai polis kanan itu dan dengan mengambil kira syarat-syarat perkhidmatan, kebergunaan pegawai polis kanan itu dan semua hal keadaan lain kes itu, bahawa adalah wajar untuk kepentingan awam untuk berbuat demikian, Suruhanjaya boleh mengesyorkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan supaya pegawai polis kanan itu bersara untuk kepentingan awam dengan pangkat sekarang atau dengan penurunan pangkat dan perkhidmatan pegawai polis kanan itu hendaklah ditamatkan dengan sewajarnya pada tarikh sebagaimana yang mungkin

ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(4) Dalam setiap hal persaraan untuk kepentingan awam di bawah Peraturan-Peraturan ini, persoalan tentang pencen, baksis atau elauan lain hendaklah diuruskan di bawah sebarang undang-undang bertulis yang berkuat kuasa pada masa itu.

Penurunan pangkat dan pembuangan kerja atas alasan keselamatan

8. (1) Dengan tidak menghiraukan mana-mana peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa adalah wajar untuk kepentingan keselamatan Negara Brunei Darussalam untuk berbuat demikian, Suruhanjaya boleh mengesyorkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan supaya pangkat seseorang pegawai polis kanan diturunkan dan dibuang kerja atas alasan kelakuannya telah memudaratkan keselamatan Negara Brunei Darussalam.

(2) Suruhanjaya hendaklah memberi pegawai polis kanan itu suatu peluang untuk mengemukakan jawapan kepada aduan, yang menyebabkan dia dijangka diturunkan pangkat dan dibuang kerja, dalam masa yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Jika Suruhanjaya berpuas hati, setelah menimbangkan laporan dan jawapan oleh pegawai polis kanan itu dan dengan mengambil kira syarat-syarat perkhidmatan, kebergunaan pegawai polis itu dalam perkhidmatan dan semua hal keadaan lain kes itu, bahawa adalah wajar untuk kepentingan keselamatan Negara Brunei Darussalam untuk berbuat demikian, Suruhanjaya boleh mengesyorkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan supaya pangkat pegawai polis kanan itu diturunkan dan dibuang kerja atas alasan bahawa kelakuannya telah memudaratkan keselamatan Negara Brunei Darussalam dan perkhidmatan pegawai polis kanan itu hendaklah ditamatkan dengan sewajarnya pada tarikh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Penahanan kerja

9. (1) Jika dalam apa-apa hal Suruhanjaya menganggap bahawa kepentingan awam menghendaki supaya seseorang pegawai polis kanan berhenti daripada menjalankan kuasa dan tugas jawatannya, Suruhanjaya boleh mengesyorkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan supaya pegawai polis kanan itu ditahan daripada menjalankan kuasa dan tugas jawatannya, dengan syarat prosiding jenayah atau tatatertib telah dimulakan atau dijangkakan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Tertakluk kepada peraturan 12(1), seseorang pegawai polis kanan yang telah ditahan kerja boleh dibenarkan untuk menerima 50 peratus daripada gaji jawatannya bagi suatu tempoh dalam inasa penahanan kerja sebagaimana yang difikirkan patut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh memerintahkan supaya seluruh gajinya ditahan.

(3) Jika prosiding terhadap seseorang pegawai polis kanan tidak mengakibatkan pembuangan kerja atau apa-apa hukuman lain bagi pegawai polis kanan itu, dia adalah berhak kepada jumlah penuh gaji yang dia sepatutnya menerima sekiranya dia tidak ditahan kerja.

(4) Jika hukuman itu adalah selain daripada dibuang kerja, pegawai polis kanan itu boleh dibayar balik bahagian gaji yang ditahan oleh sebab dia ditahan kerja sebagaimana yang difikirkan patut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Prosiding jenayah

10. Melainkan jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memerintahkan selainnya, jika prosiding jenayah dimulakan terhadap seseorang pegawai polis kanan, prosiding bagi penurunan pangkatnya, pembuangan kerjanya atau kedua-duanya atas apa-apa alasan yang melibatkan pertuduhan jenayah tidak akan diambil sehingga —

(a) prosiding jenayah diputuskan; atau

(b) jika ada rayuan dibuat terhadap sabitan, rayuan itu telah ditarik balik atau dianggap telah ditarik balik atau diputuskan oleh mahkamah rayuan muktamad.

Prosiding selepas sabitan pertuduhan jenayah

11. (1) Suruhanjaya boleh, jika seseorang pegawai polis kanan disabitkan atas suatu pertuduhan jenayah —

(a) menimbangkan rekod prosiding mahkamah; dan

(b) jika Suruhanjaya berpendapat bahawa pegawai polis kanan itu patut diturunkan pangkat, dibuang kerja atau kedua-duanya, atau pun dihukum selainnya, mengesyorkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hukuman pegawai polis kanan itu dengan sewajarnya.

(2) Suruhanjaya tidaklah terikat untuk melantik suatu Jawatankuasa dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam peraturan kecil (1).

Penahanan gaji

12. (1) Seseorang pegawai polis kanan yang disabitkan atas suatu pertuduhan jenayah tidak boleh, melainkan jika Suruhanjaya mengarahkan selainnya, menerima apa-apa gaji dari tarikh sabitan, sementara menunggu kesnya dipertimbangkan oleh Suruhanjaya.

(2) Jika gaji pegawai itu telah ditahan sementara menunggu keputusan pertuduhan jenayah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh memerintahkan bagi perlucutan hak atas gaji yang ditahan tersebut.

Prosiding selepas dibebaskan

13. (1) Suruhanjaya boleh, jika seseorang pegawai polis kanan dibebaskan daripada suatu pertuduhan jenayah —

(a) menimbangkan rekod prosiding mahkamah; dan

(b) jika Suruhanjaya berpendapat bahawa pegawai polis kanan itu patut diturunkan pangkat, dibuang kerja atau kedua-duanya, atau pun dihukum selainnya, mengesyorkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hukuman pegawai polis kanan itu dengan sewajarnya selepas dia diberikan peluang yang munasabah untuk mengemukakan jawapan kepada Suruhanjaya, berkenaan dengan hukuman yang dijangkakan itu, dalam masa yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya tidaklah terikat untuk melantik Jawatankuasa dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam peraturan kecil (1).

Perlucutan hak atas elaun atau faedah lain

14. (1) Seseorang pegawai polis kanan yang dibuang kerja dilucutkan hak atas semua tuntutan kepada apa-apa elaun atau faedah lain yang sepatutnya dinikmatinya, kalau tidak kerana dia dibuang kerja.

(2) Seseorang pegawai polis kanan yang kenaikan gajinya ditahan sementara menunggu tindakan tatatertib boleh dilucutkan hak atas kenaikan gajinya yang ditahan itu atas budi bicara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Pegawai tidak boleh meletakkan jawatan atau meninggalkan Negara Brunei Darussalam

15. Seseorang pegawai polis kanan yang terhadapnya prosiding tatatertib dimulakan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh, tanpa kebenaran

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Suruhanjaya, meletakkan jawatan atau meninggalkan Negara Brunei Darussalam semasa selang waktu sebelum prosiding tatatertib selesai.

Pemansuhan S 19/2003

16. (1) Peraturan-Peraturan Pasukan Polis Diraja Brunei (Prosiding Tatatertib), 2003 adalah dimansuhkan.

(2) Apa-apa jua yang dibuat atau dilakukan di bawah Peraturan-Peraturan Pasukan Polis Diraja Brunei (Prosiding Tatatertib), 2003 (S 19/2003) (dimansuhkan oleh Peraturan-Peraturan ini) dan berkuat kuasa sejurus sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, hendaklah setakat mana tidak bertentangan dengan peruntukan Peraturan-Peraturan ini, terus berkuat kuasa seolah-olah dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL
(peraturan 4(1))

SALAH LAKU

1. Mengeluarkan kata-kata hinaan tentang Kerajaan dengan cara yang menyebabkan Negara Brunei Darussalam mendapat nama buruk.
2. Biadap terhadap orang ramai dalam pertuturan.
3. Berlaku kurang sopan terhadap orang ramai.
4. Tidak menepati masa.
5. Tidak hadir bertugas dengan tidak bercuti atau tanpa sebab yang munasabah.
6. Tidur semasa bertugas.
7. Kelakuan yang menyentuh kesopanan atau tata tertib.
8. Kelakuan yang mengaibkan.
9. Tidak mematuhi atau mengingkari perintah atau arahan.
10. Di bawah pengaruh minuman keras atau dadah semasa bertugas.
11. Tidak mengikuti arahan.
12. Cuai menjalankan kewajipan.
13. Berpura-pura sakit.
14. Menjalankan kewajipan dengan melampaui batas.
15. Kelalaian atau kecuaian yang mengakibatkan kerugian atau kerosakan kepada harta Kerajaan.
16. Membinasakan atau merosakkan harta Kerajaan dengan sengaja.
17. Berpakaian atau penampilan yang tidak senonoh.
18. Menggunakan keganasan peribadi terhadap mana-mana orang dalam jagaan kecuali dalam hal —
 - (a) mempertahankan diri; atau

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(b) mempertahankan pegawai atau orang lain sama ada dalam jagaan atau tidak.

19. Membuat pernyataan yang salah atau mengelirukan dalam masa menjalankan kewajipan.
20. Melanggar kepercayaan.
21. Mengamalkan rasuah.
22. Sabitan atas kesalahan jenayah.
23. Menghalang kewajipan.
24. Mengambil bahagian dalam perdagangan atau pekerjaan lain tanpa kebenaran Pesuruhjaya.

Diperbuat pada hari ini 8 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1443 bersamaan dengan 13 haribulan Disember, 2021 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**